

**AmBank (M) Berhad & AmBank Islamic Berhad (sebelum ini dikenali sebagai AmIslamic Bank Berhad) Terma & Syarat Untuk Perkhidmatan Gaji Autobayar
(Tarikh Kuat Kuasa: 1 Oktober 2015)**

1. Penggunaan

- 1.1 Terma dan Syarat ini mentadbir penggunaan Perkhidmatan Gaji Autobayar yang disediakan oleh Bank (seperti yang ditafsirkan di sini) dan adalah mengikat dan berkuatkuasa ke atas Pelanggan.

2. Definisi

- 2.1 Untuk tujuan Terma dan Syarat ini, semua perkataan dan ungkapan di sini hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya:-

“**Bank**” bermaksud AmBank (M) Berhad (No. Syarikat: 8515-D) dan AmBank Islamic Berhad (No. Syarikat: 295576-U), syarikat-syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Kumpulan AmBank**” bermaksud semua Syarikat Berkaitan dan Syarikat Bersekutu dengan Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, sudah wujud pada masa ini atau pada masa akan datang dan rujukan kepada Kumpulan AmBank dalam Terma dan Syarat ini akan merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

“**Borang Permohonan**” bermaksud borang permohonan yang dikeluarkan oleh Bank untuk langganan kepada Perkhidmatan (seperti yang ditafsirkan di sini).

“**Perkhidmatan Gaji Autobayar**” atau “**Perkhidmatan**” bermaksud perkhidmatan yang disediakan oleh Bank kepada Pelanggan bagi membolehkan Pelanggan melaksanakan:-

- (i) Pengkreditan gaji melalui IFT dan IBG (seperti yang ditafsirkan di sini);
- (ii) Pembayaran statutori kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“KWSP”), Pertubuhan Keselamatan Sosial (“PERKESO”) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (“LHDN”);
- (iii) Pinjaman konvensional dan/atau pembayaran balik pembiayaan Islam di bawah Pembiayaan Peribadi, Pembiayaan Rumah, Pembiayaan Kenderaan dan sebarang produk pembiayaan terpakai Bank yang lain; dan/atau
- (iv) Penggunaan kad prabayar (untuk Kad-Kad Prabayar AmBank sahaja).

“**Hari Berniaga**” bermaksud hari bila ibu pejabat Bank di Kuala Lumpur dibuka untuk perniagaan.

“**Tarikh Pengkreditan**” bermaksud hari bila mana Bank akan memulakan pembayaran kredit seperti yang ditetapkan oleh Pelanggan dalam Arahan Daftar Gaji.

“**Pekerja**” bermaksud pekerja-pekerja Pelanggan.

“**Tarikh Kuat Kuasa**” bermaksud tarikh Terma dan Syarat ini berkuatkuasa, iaitu pada 1 Oktober 2015

“**GST**” bermaksud sebarang cukai perlu dibayar ke atas pembekalan barangan, perkhidmatan atau lain-lain barang menurut peruntukan Undang-Undang GST.

**AmBank (M) Berhad & AmBank Islamic Berhad (sebelum ini dikenali sebagai AmIslamic Bank Berhad) Terma & Syarat Untuk Perkhidmatan Gaji Autobayar
(Tarikh Kuat Kuasa: 1 Oktober 2015)**

“**Undang-Undang GST**” bermaksud Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014, perundangan subsidiari, perintah statutori dan peraturan-peraturan yang mentadbir penguatkuasaan GST, seperti yang dipinda dari semasa ke semasa.

“**IFT**” bermaksud Pindahan Dana Dalaman, satu kaedah pemindahan dana secara elektronik daripada satu akaun ke akaun yang lain dalam Bank.

“**IBG**” bermaksud Pindahan Dana Antara Bank GIRO, satu kaedah memindahkan dana secara elektronik dari satu bank ke bank yang lain (tertakluk kepada setiap bank menjadi sebuah bank yang mengambil bahagian dalam IBG), dan dalam hal ini, daripada satu akaun dengan Bank ke akaun dengan bank yang berbeza.

“**Arahan Daftar Gaji**” bermaksud arahan bertulis yang diserahkan (secara berkala atau sebaliknya) oleh Pelanggan kepada Bank dalam bentuk yang disediakan oleh Bank bagi melaksanakan pembayaran kredit di bawah Perkhidmatan.

“**Pihak-Pihak**” akan bermaksud Bank dan Pelanggan dan “**Pihak**” merujuk kepada salah satu daripada mereka.

“**Program**” bermaksud program sistem Gaji Autobayar yang disediakan oleh Bank untuk kegunaan Pelanggan supaya Pelanggan dapat menikmati Perkhidmatan tersebut.

“**Pelanggan**” bermaksud mana-mana entiti (syarikat atau perniagaan) yang mempunyai akaun semasa dengan Bank dan melanggan Perkhidmatan.

- 2.2 Istilah 'Syarikat Bersekutu' hendaklah mempunyai maksud yang telah ditentukan kepadanya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan/atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Istilah 'Syarikat Yang Berkaitan' pula hendaklah mempunyai maksud yang telah ditentukan kepadanya di bawah Seksyen 6 Akta Syarikat 1965.
- 2.3 Tajuk setiap satu terma dan syarat di sini dimasukkan untuk memudahkan rujukan dan hendaklah diabaikan dalam interpretasi dan pengolahan mana-mana peruntukan di sini.
- 2.4 Mana-mana terma yang berkait dengan perbankan dan perkhidmatan kewangan yang tidak ditakrifkan secara spesifik di sini hendaklah ditafsirkan menurut amalan perniagaan umum dan perdagangan industri perbankan dan kewangan di Malaysia.
- 2.5 Perkataan-perkataan yang merujuk kepada orang hendaklah termasuk orang-orang yang hidup, firma atau perkongsian, diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan-perkataan yang merujuk kepada kata mufrad hendaklah juga termasuk bentuk jamak dan sebaliknya. Perkataan-perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan neuter.
- 2.6 Kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma dan Syarat ini atau dipersetujui oleh Pihak-Pihak secara bertulis, mana-mana pengiraan jumlah hari daripada atau sebelum berlakunya sesuatu peristiwa, hendaklah tidak termasuk hari bila mana peristiwa tersebut berlaku.

3. Operasi / Mekanik

- 3.1 Bank akan menyediakan yang berikut kepada Pelanggan:-

**AmBank (M) Berhad & AmBank Islamic Berhad (sebelum ini dikenali sebagai AmIslamic Bank Berhad) Terma & Syarat Untuk Perkhidmatan Gaji Autobayar
(Tarikh Kuat Kuasa: 1 Oktober 2015)**

- (a) satu CD mengandungi Program (atau Pelanggan boleh memuat turun Program daripada laman web Bank, www.ambankgroup.com; dan
 - (b) sebuah Buku Panduan Pengguna untuk Program yang hendaklah diambil, dibaca dan dianggap sebagai sebahagian daripada Terma dan Syarat ini.
- 3.2 Pelanggan hendaklah mengusahakan supaya Pekerjaanya membuka atau menyenggara sebuah akaun simpanan atau semasa dengan Bank di mana-mana cawangannya.
- 3.3 Tertakluk kepada Pelanggan menyerahkan Arahan Daftar Gaji yang lengkap, laporan penyulitan yang dikeluarkan oleh Program, emel, CD atau pemacu ibu jari yang mengandungi butiran mengenai akaun dan amaun kredit Pekerja (selepas ini dirujuk sebagai “Fail Data”) dalam tempoh waktu perbankan cawangan dan mempunyai dana yang mencukupi dalam akaun beliau yang telah ditetapkan, Bank kemudiannya akan memulakan pembayaran kredit pada Tarikh Pengkreditan yang ditetapkan oleh Pelanggan dalam Arahan Daftar Gaji.

Perkhidmatan	Tarikh Pengkreditan	Dana dipindahkan ke akaun benefisiari pada
● pengkreditan gaji melalui IFT	Seperti yang ditetapkan dalam Arahan Daftar Gaji	Hari yang sama
● bayaran statutori kepada KWSP, PERKESO, LHDN		Hari Berniaga Yang Berikut
● pembayaran balik pinjaman konvensional /pembiayaan Islam yang diambil dengan Bank		Hari Berniaga Yang Berikut
● pengkreditan gaji melalui IBG		Hari Berniaga Yang Berikut
● penggunaan kad prabayar (untuk Kad-Kad Prabayar AmBank)		Hari Berniaga Yang Berikut

- 3.4 Format laporan penyulitan yang akan diserahkan kepada Bank hendaklah dalam bentuk dan cara yang ditentukan oleh Bank.
- 3.5 Bank berhak untuk tidak melaksanakan sebarang pembayaran kredit sekiranya:-
- (a) terdapat sebarang ralat atau perbezaan dalam laporan penyulitan dan/atau Arahan Daftar Gaji;
 - (b) terdapat perintah oleh atau arahan daripada pihak-pihak berkuasa atau pengawal selia yang melarang pengkreditan wang; atau

**AmBank (M) Berhad & AmBank Islamic Berhad (sebelum ini dikenali sebagai AmIslamic Bank Berhad) Terma & Syarat Untuk Perkhidmatan Gaji Autobayar
(Tarikh Kuat Kuasa: 1 Oktober 2015)**

- (c) terdapat keadaan-keadaan yang menghalang pengkreditan wang bagi melaksanakan mana-mana peruntukan dalam mana-mana peraturan, undang-undang atau Terma dan Syarat Umum Akaun dan Perkhidmatan Bank.
- 3.6 Sekiranya sesuatu transaksi tidak boleh diproses atau ditolak dalam melaksanakan Klausula 3.5, Bank akan mengambil semua langkah yang munasabah untuk menghubungi Pelanggan dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang bayaran lewat akibat transaksi yang tidak diproses atau ditolak tersebut.
- 3.7 Sekiranya Pelanggan ingin menghentikan sebarang pembayaran kredit, Pelanggan hendaklah memberi satu notis bertulis kepada cawangan dalam tempoh waktu perbankan cawangan (penerimaan notis yang sedemikian hendaklah diperakui oleh cawangan) **sebelum** Tarikh Pengkreditan yang ditetapkan dalam Arahan Daftar Gaji. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang bayaran yang mungkin terkesan / dibuat disebabkan kegagalan Pelanggan untuk memaklumkan Bank menurut klausula ini.

4. Tanggungjawab-Tanggungjawab Pelanggan

- 4.1 Pelanggan adalah bertanggungjawab untuk:-
- (a) memastikan bahawa semua maklumat dan/atau arahan yang diberikan kepada Bank, bertulis atau sebaliknya, adalah tepat dan mematuhi keperluan-keperluan Bank;
- (b) memastikan bahawa semua langkah perlindungan dan kawalan telah dilaksanakan untuk mengelak sebarang kesilapan, penyalahgunaan dan/ atau penipuan berkaitan maklumat dan / atau arahan yang diberikan;
- (c) memastikan terdapat baki mencukupi dalam akaun semasa beliau yang telah ditentukan bagi melaksanakan pembayaran kredit. Bank berhak untuk mengenakan satu fi perkhidmatan ke atas Pelanggan jika sesuatu transaksi gagal akibat daripada Pelanggan tidak mempunyai baki mencukupi dalam akaun semasa beliau;
- (d) memastikan bahawa CD/pemacu ibu jari /emel mengandungi Fail Data yang diserahkan kepada Bank adalah bebas daripada sebarang virus komputer atau perisian/program jahat;
- (e) memaklumkan Bank dengan segera sekiranya Pelanggan menyedari terdapat sebarang kegagalan, kelewatan, kepincangan tugas, virus atau ralat dalam Program atau sebarang kesalahan yang disyaki apabila menerima, mengguna atau mengguna pakai Program dan akan membantu Bank dalam sebarang langkah-langkah pemulihan yang dicadangkan;
- (f) memastikan bahawa Program tidak disalahgunakan dalam apa-apa jua cara dan bahawa tiada orang atau pihak yang tidak dibenarkan menggunakan Program atau membuat salinan Program sama ada secara langsung atau tidak langsung;
- (g) menyimpan Program dan sebarang bahan lain yang diberikan oleh Bank bagi tujuan Perkhidmatan secara rahsia sebagai aset dan rahsia perdagangan Bank yang bernilai;

**AmBank (M) Berhad & AmBank Islamic Berhad (sebelum ini dikenali sebagai AmIslamic Bank Berhad) Terma & Syarat Untuk Perkhidmatan Gaji Autobayar
(Tarikh Kuat Kuasa: 1 Oktober 2015)**

- (h) memperoleh kebenaran Bank secara bertulis untuk sebarang perubahan kepada Program.

5. Penafian oleh Bank

5.1 Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan atau mana-mana pihak lain atas sebarang kelewatan, tuntutan, kerugian atau kerosakan, perbelanjaan, tuntutan-tuntutan atau permintaan yang ditanggung oleh Pelanggan atau mana-mana pihak lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada masa, wang, nama baik atau lain-lain kerosakan sampingan atau akibat, yang timbul akibat daripada:

- (a) sebarang kelewatan, kecuaiian atau ralat yang tidak disebabkan oleh Bank, pekerja-pekerjanya atau ejen-ejenjnya;
- (b) Pelanggan melanggar obligasi-obligasi beliau di bawah Terma dan Syarat ini;
- (c) sebarang peristiwa Force Majeure yang memberi kesan kepada Bank seperti yang ditetapkan dalam Klausa 11 di sini;
- (d) sebarang kesalahan, kesilapan teknikal atau kepincangan tugas dalam perkhidmatan rangkaian Bank, kegagalan atau gangguan kepada komunikasi, elektrik, utiliti atau bekalan bahan api, dengan syarat Bank dengan serta-merta mengambil tindakan wajar untuk membetulkan ketidaktunaian yang sedemikian atau yang bukan peruntukan Perkhidmatan dan memaklumkan Pelanggan dengan sewajarnya.

6. Indemniti

6.1 Pelanggan hendaklah melindungi dan terus memastikan Bank, pengganti hakmilik dan penerima serah hak Bank dilindungi sepenuhnya daripada semua dan sebarang liabiliti, prosiding, tindakan, tuntutan, permintaan, kerugian, kemusnahan, kos, caj-caj, perbelanjaan (termasuk kos perundangan atas dasar peguam-pelanggan) dan semua liabiliti yang lain dalam sebarang bentuk apa juapun atau keterangan yang mungkin dimulakan atau dibawa atau dibuat terhadap Bank atau yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Bank atau bertanggungjawab terhadap, dalam hubungan dengan atau dalam apa-apa cara yang timbul daripada langganan Pelanggan terhadap dan penggunaan Perkhidmatan.

6.2 Indemniti ini akan berterusan walaupun berlaku penamatan Perkhidmatan oleh mana-mana Pihak.

7. Penamatan

7.1 Bank boleh, pada bila-bila masa selepas memberi Pelanggan empat belas (14) hari kalendar notis bertulis dan tanpa memberikan sebarang alasan apa juapun, menamatkan Perkhidmatan.

7.2 Pelanggan boleh, pada bila-bila masa menamatkan langganannya untuk Perkhidmatan dengan memberi empat belas (14) hari kalendar notis bertulis terdahulu kepada Bank, penerimaan notis yang sedemikian hendaklah diperakui oleh Bank.

8. Penyelesaian Pertikaian

**AmBank (M) Berhad & AmBank Islamic Berhad (sebelum ini dikenali sebagai AmIslamic Bank Berhad) Terma & Syarat Untuk Perkhidmatan Gaji Autobayar
(Tarikh Kuat Kuasa: 1 Oktober 2015)**

- 8.1 Semua pertikaian, kontroversi atau perselisihan yang mungkin timbul antara Pihak-Pihak terlibat berkaitan dengan Terma dan Syarat ini hendaklah, setakat yang boleh dipraktikkan, diselesaikan dengan baik melalui perbincangan bersama antara mana-mana wakil yang dibenarkan bagi Pihak-Pihak tersebut.
- 8.2 Sekiranya tiada penyelesaian dapat dicapai bagi melaksanakan Klausula 8.1 untuk Pelanggan yang mengadu, Pelanggan tersebut bersetuju untuk mengemukakan aduan beliau kepada Bank Negara Malaysia.
- 8.3 Sekiranya tiada penyelesaian dapat dicapai bagi melaksanakan Klausula 8.1 dan 8.2 (mengikut keadaan), Pihak yang terkilan boleh memulakan tindakan undang-undang terhadap Pihak yang satu lagi di Mahkamah Malaysia.

9. Undang-Undang Yang Mentadbir

- 9.1 Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan dalam semua hal menurut undang-undang Malaysia.

10. Fi dan Caj

- 10.1 Walaupun Bank menyediakan Program secara percuma kepada Pelanggan, fi dan caj-caj lazim Bank untuk transaksi kredit tertentu yang diarahkan oleh Pelanggan akan berterusan terpakai.
- 10.2 Bank berhak untuk mengenakan fi bagi penyediaan Perkhidmatan kepada Pelanggan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa menurut budi bicara mutlaknyanya dengan memberi notis bertulis terdahulu kepada Pelanggan.
- 10.3 Semua bayaran hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia. Sebarang pertukaran daripada satu mata wang kepada mata wang yang lain boleh dilaksanakan dalam cara seperti yang mungkin akan ditentukan oleh Bank dan pada kadar tukaran Bank yang lazim. Sebarang kerugian, kos, caj dan risiko akibat daripada sebarang tukaran mata wang akan ditanggung oleh Pelanggan.
- 10.4 Pelanggan, secara muktamad, membenarkan Bank untuk mendebit sebarang fi, caj, perbelanjaan atau kerugian yang ditanggung yang berkaitan dengan langganan Pelanggan dan/atau penggunaan Perkhidmatan daripada mana-mana akaun Pelanggan dengan Bank. Kebenaran yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank di bawah klausula ini akan kekal terpakai selepas berlaku penamatan langganan oleh mana-mana Pihak sehingga semua wang yang dihutang oleh Pelanggan dalam melaksanakan klausula ini telah dibayar sepenuhnya.
- 10.5 Sebarang pertikaian atau tuntutan oleh Pelanggan dalam apa jua bentuk tidak akan menangguhkan obligasi Pelanggan untuk membayar sebarang jumlah yang perlu dibayar kepada Bank.
- 10.6 Sebarang bayaran yang hendak dibuat kepada Bank oleh Pelanggan bagi penggunaan Perkhidmatan akan dibuat tanpa sebarang tolak selesai dan adalah bebas daripada sebarang potongan atau halangan atas sebab sebarang cukai atau caj-caj lain dalam bentuk percukaian yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa awam kecuali potongan atau halangan yang sedemikian adalah dikehendaki menurut undang-undang.



AmBank



AmBank Islamic

**AmBank (M) Berhad & AmBank Islamic Berhad (sebelum ini dikenali sebagai AmIslamic Bank Berhad) Terma & Syarat Untuk Perkhidmatan Gaji Autobayar
(Tarikh Kuat Kuasa: 1 Oktober 2015)**

- 10.7 Sekiranya terdapat sebarang potongan atau halangan dalam melaksanakan Klausula 10.6 adalah dikehendaki dibuat oleh Pelanggan atau bagi pihak Pelanggan, Pelanggan hendaklah membayar Bank sebarang amaun tambahan yang perlu untuk memastikan Bank menerima amaun pembayaran sepenuhnya seolah-olah potongan atau halangan yang sedemikian tidak dibuat.
- 10.8 Kecuali dengan jelas dinyatakan sebaliknya dalam Terma dan Syarat ini, Pihak-Pihak bersetuju bahawa sebarang fi, harga, nilai, pendapatan atau amaun yang sama yang akan digunakan dalam pengiraan fi adalah tidak termasuk GST yang boleh dikenakan di bawah peruntukan Undang-Undang GST.
- 10.9 Sekiranya sebarang pembekalan yang dibuat di bawah atau dalam hubungan dengan Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada GST, Bank mungkin akan menambah pertimbangan yang telah diberikan dengan amaun GST dan memperoleh semula amaun tambahan tersebut daripada Pelanggan selain daripada fi.
- 11. Force Majeure**
- 11.1 Bank tidak akan dianggap sebagai telah melanggar obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini sekiranya ia tidak dapat melaksanakan obligasi-obligasi tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya atau pada waktunya akibat berlakunya peristiwa Force Majeure. Istilah "Force Majeure" hendaklah bermaksud sesuatu keadaan luar biasa dan luar jangka yang berlaku di luar kawalan munasabah pihak yang terlibat dan yang mana pihak yang terkesan itu tidak dapat mencegah, mengelak atau menghilangkan, termasuk tetapi tidak terhad kepada:-
- (a) sebarang bencana alam, kebakaran, gempa bumi, ribut taufan, banjir atau tanah runtuh;
 - (b) mogok, penyekatan, pemberhentian kerja atau lain-lain gangguan industri;
 - (c) sabotaj, rusuhan, kekacauan sivil, pemberontakan, wabak, darurat kebangsaan (sama ada secara fakta atau undang-undang) atau peperangan (sama ada yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan); dan
 - (d) keperluan atau sekatan, atau kegagalan untuk bertindak oleh mana-mana kerajaan, entiti semi kerajaan atau kehakiman;
- tetapi hendaklah tidak termasuk kemelesetan ekonomi, ketidaksediaan atau ketidakcukupan dana atas sebarang sebab.
- 11.2 Apabila berlakunya peristiwa Force Majeure yang memberi kesan kepada Bank, Bank akan:-
- (a) memaklumkan Pelanggan dengan segera secara bertulis dengan memberi butiran penuh mengenai peristiwa Force Majeure tersebut dan obligasi atau pelaksanaan yang terlewat atau terhalang oleh peristiwa tersebut;
 - (b) melakukan usaha terbaik untuk memulihkan situasi tersebut; dan
 - (c) meneruskan pelaksanaan obligasinya yang telah tergantung disebabkan peristiwa Force Majeure sebaik sahaja peristiwa tersebut berhenti atau tamat.

**AmBank (M) Berhad & AmBank Islamic Berhad (sebelum ini dikenali sebagai AmIslamic Bank Berhad) Terma & Syarat Untuk Perkhidmatan Gaji Autobayar
(Tarikh Kuat Kuasa: 1 Oktober 2015)**

12. Terma dan Syarat Yang Terdahulu Telah Digantikan

- 12.1 Semua terma dan syarat Perkhidmatan ini yang terdahulu telah dibatalkan secara keseluruhannya dan telah digantikan sepenuhnya oleh Terma dan Syarat ini yang akan mentadbir Perkhidmatan dan akan berkuatkuasa bermula dari Tarikh Kuat Kuasa.
- 12.2 Sekiranya Pelanggan tidak bersetuju dengan Terma dan Syarat ini, Pelanggan hendaklah berhenti daripada menggunakan Perkhidmatan dan menamatkan langganan beliau kepada Perkhidmatan selaras dengan Klausula 7.2.
- 12.3 Sekiranya Pelanggan meneruskan langganan kepada Perkhidmatan selepas Tarikh Kuat Kuasa, Pelanggan akan dianggap sebagai telah menerima Terma dan Syarat ini dan perkara yang sama adalah mengikat dan muktamad terhadap Pelanggan.

13. Pindaan-Pindaan Kepada Terma dan Syarat ini

- 13.1 Bank berhak dan mempunyai budi bicara mutlak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana Terma dan Syarat yang ditetapkan secara khusus di sini, sepenuhnya atau sebahagian daripadanya dari semasa ke semasa yang difikirkan penting dan wajar dengan memberi Pelanggan dua puluh satu (21) hari kalendar notis terdahulu.
- 13.2 Sebarang notis yang diberikan oleh Bank hendaklah dipaparkan di laman web rasmi Bank di www.ambankgroup.com atau di cawangan-cawangan Bank dan sebarang notis yang sedemikian akan dianggap sebagai telah diberi apabila terpapar di laman web rasmi Bank atau di cawangan-cawangannya, yang mana dahulu.
- 13.3 Sekiranya Pelanggan tidak bersetuju dengan pindaan ini, Pelanggan berhak untuk menamatkan langganan beliau kepada Perkhidmatan selaras dengan Klausula 7.2.
- 13.4 Sekiranya Pelanggan masih terus menggunakan Perkhidmatan selepas sebarang pindaan kepada Terma dan Syarat ini berkuatkuasa, Pelanggan akan dianggap sebagai telah menerima pindaan tersebut.

14. Pelbagai

- 14.1 Pelanggan akan memberi Bank satu notis bertulis (penerimaan notis yang sedemikian hendaklah diperakui oleh Bank) mengenai:-
- (a) sebarang perubahan dalam atau penggantian kakitangannya yang merupakan penandatanganan dibenarkan untuk akaun semasa Pelanggan yang telah ditentukan untuk Perkhidmatan;
 - (b) sebarang perubahan kepada alamatnya.
- 14.2 Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, peraturan-peraturan serta terma dan syarat lazim Bank yang mentadbir produk / perkhidmatan tertentu akan juga terpakai dan mengikat ke atas Pelanggan dan jika terdapat apa-apa percanggahan atau konflik dengan Terma dan Syarat ini, peraturan-peraturan tersebut akan kekal terpakai.
- 14.3 Terma dan Syarat ini hendaklah mengikat ke atas waris-waris, wakil guaman/peribadi, penerima serah hak, pengganti hakmilik Pelanggan dan estet beliau (jika terpakai).

**AmBank (M) Berhad & AmBank Islamic Berhad (sebelum ini dikenali sebagai AmIslamic Bank Berhad) Terma & Syarat Untuk Perkhidmatan Gaji Autobayar
(Tarikh Kuat Kuasa: 1 Oktober 2015)**

- 14.4 Di mana sahaja ia disebut di dalam Terma dan Syarat ini, masa hendaklah menjadi intipatinya.
- 14.5. Tanpa prejudis kepada mana-mana peruntukan lain di dalam Terma dan Syarat ini, sebarang komunikasi daripada Bank kepada Pelanggan hendaklah dihantar melalui pos biasa atau ditinggalkan di alamat terakhir Pelanggan yang berdaftar dengan Bank dan akan dianggap sebagai telah disampaikan oleh Bank dan diterima oleh Pelanggan pada Hari Berniaga ke 3 selepas pengeposan.
- 14.6 Sebarang terma, syarat atau peruntukan yang terkandung di dalam Terma dan Syarat ini yang didapati menyalahi undang-undang, dilarang atau tidak dapat dikuatkuasakan oleh mana-mana tribunal/mahkamah dengan bidang kuasa kompeten akan menjadi tidak efektif setakat yang ditafsirkan oleh keharaman, larangan atau keadaan tidak dapat dikuatkuasakan itu tanpa mentaksahkan peruntukan-peruntukan lain di sini.

Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong